

# Jadi, Anda Ingin Istilah Yang Tepat?

**Dr Sulaiman Masri**  
**Dewan Bahasa dan Pustaka**  
**Kuala Lumpur Malaysia**

## 1. Pendahuluan

Berdasarkan penelitian ke atas bahan tulisan (ISO, 1969; JKTBM, 1975; Felber, 1984; Pitch & Draskau, 1985; Sager, 1990)\* dan penglibatan dalam kerja peristilahan amalai DBP\*\*, *istilah* bahasa Melayu(BM) dapat ditakrifkan sebagai “suatu lambang linguistik yang berupa huruf, bentuk bebas atau gabungan beberapa bentuk bebas yang gramatis dan sistematis, yang mengandungi timbunan konsep atau objek khas dalam bidang tertentu, dan bentuknya telah disepakati oleh sekumpulan pakar jawatankuasa istilah bidang berkenaan sebagai mempunyai nilai komunikatif yang sesuai.

Bermakna, suatu istilah BM perlu mempunyai lima unsur utama, iaitu lambang linguistik, gramatis dan sistematis, timbunan konsep, disepakati dan nilai komunikatif.

Dengan lambang linguistik dimaksudkan bahawa setiap istilah ialah lambang (abjad) yang mendukung konsep. Gramatis dan sistematis bermaksud lambang atau kata yang dijadikan istilah itu betul dari segi ejaan, imbuhan dan struktur. Timbunan konsep ialah objek tunggal atau kumpulan objek hasil daripada amatan minda, disepakati bermaksud lambang atau kata yang dijadikan istilah dicapai melalui persetujuan pakar-pakar bidang, dan akhir sekali nilai komunikatif bermaksud keseluruhan bentuk istilah dan maknanya yang diketahui dan difahami oleh pengguna. Apabila kelima-lima unsur tersebut hadir, istilah BM yang tergubal dianggap tetap. Dengan kata lain, istilah yang tepat perlu memperlihatkan gabungan antara keserasian konsep dengan kriteria kesempurnaan keperihalannya (bentuk) istilah yang tergubal.

---

\* ISO= International Organization for Standardization; JKTBM = Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia

\*\* DBP = Dewan Bahasa dan Pustaka

\*\*\* Mabbim = Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia

## 2. Keserasian Konsep

Keserasian konsep ini wujud dalam proses pemindahan ciri-ciri konsep sumber kepada konsep sasaran secara penterjemahan, sebagaimana yang dilakukan dalam kerja peristilahan pelbagai bidang dan subbidang ilmu di Malaysia dan dalam Mabbim\*\*\* sejak tahun 1958. Dengan kata lain, keserasian konsep bermaksud apabila istilah BM mempunyai sejumlah ciri yang sesuai dengan konsep sumber menurut takrif dan bidangnya. Ciri ialah bahagian-bahagian yang membina konsep. Timbunan ciri ini membina makna. Ia dapat berbentuk tunggal atau tambahan.

Sebagai contoh, konsep *berita (news)* mempunyai ciri tunggal yang berikut: (1) fakta, (2) baharu, (3) segera, (4) memberitahu, dan (5) menarik. Konsep ini dapat pula mempunyai peluasan konsep iaitu *berita hangat (hot news)* dan *berita basi (stale news)*. *Berita hangat* di samping mempunyai kelima-lima ciri *berita*, juga mempunyai ciri tambahan (6) menggemparkan, manakala *berita basi* di samping mempunyai ciri-ciri (1) hingga (6) mempunyai dua ciri tambahan, iaitu (7) terlambat, dan (8) tiada nilai. Dalam kasus ini, ciri tambahan disebut ciri pembeza, sesuai dengan tugasnya membezakan antara ciri tunggal pada konsep *berita* dengan ciri tambahan pada konsep *berita hangat* dan *berita basi*.

Jika jumlah ciri istilah sumber sama dengan ciri istilah sasaran, hubungan itu dianggap serasi; jika jumlah ciri antara kedua-dua istilah hanya sama sebahagian, hubungan itu dianggap kurang serasi; manakala jika jumlah ciri antara kedua-dua istilah berbeza hubungan itu dianggap tidak serasi.

---

\*\*\* Mabbim = Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia

### 3. Kesempurnaan Bentuk

Kesempurnaan bentuk pula ialah apabila suatu istilah BM yang tergubal memperlihatkan beberapa kriteria tertentu daripada sepuluh kriteria keperihal, yang diakronimkan sebagai *LiTRi GraMM SELaNKE*. Kriteria itu ialah timbunan abjad daripada sifat kata atau rangkai kata seperti BM lazim (Li), transkripsi (T), ringkas (Ri), gramatis (Gra), menerbitkan atau menurunkan kata (MM), sistematis (S), ekonomis (E), tunggal (La), santun (N) dan keantarabangsaan (Ke). Kriteria *LiTRi GraMM SELaNKE* ini sesuai dengan kehendak pedoman pembentukan istilah (JKTBM, 1975; Horecky, 1979; Felber, 1984; Pitch & Draskau, 1985).

Istilah yang dianggap BM lazim ialah istilah yang terjelma daripada kata BM, kata serumpun dan kata daripada bahasa asing yang telah lama terserap dalam BM; istilah yang transkripsi ialah istilah yang dipinjam terus atau diserapkan daripada kata asing melalui kaedah transkripsi; istilah yang ringkas ialah istilah yang berbentuk satu kata; istilah yang gramatis ialah istilah yang betul ejaannya, imbuhan, strukturnya, serta yang mudah disebut; istilah yang menerbitkan atau menurunkan kata ialah istilah yang dapat membentuk kata terbitan atau turunan berdasarkan peluasan konsep; istilah yang sistematis ialah istilah yang dibentuk dengan struktur yang betul dari segi tatabahasa; istilah yang ekonomis ialah istilah yang katanya tidak berlebihan dibandingkan dengan beban konsepnya; istilah yang tunggal ialah istilah yang tunggal ialah istilah yang mempunyai satu konsep sahaja; istilah yang santun ialah istilah yang indah didengar atau tidak berkonotasi buruk, dan istilah keantarabangsaan ialah istilah yang mengekalkan bentuk asalnya dalam bahasa sumber.

Istilah yang memperlihatkan tiga kriteria utama, iaitu gramatis, ringaks dan tunggal, dianggap sempurna; istilah yang memperlihatkan hanya kriteria utama gramatis, dianggap kurang sempurna; manakala istilah yang tidak mempunyai kriteria gramatis, walaupun mempunyai dua kriteria utama dan kriteria lain, dianggap tidak sempurna bentuknya.

#### 4. Ukuran Ketepatan Istilah BM

Ketepatan istilah dapat diperlihatkan melalui gabungan antara keserasian konsep dengan kriteria kesempurnaan bentuk. Istilah yang tepat terhasil melalui gabungan antara konsep serasi dan kriteria sempurna, atau gabungan antara konsep serasi dengan kriteria kurang sempurna. Istilah yang kurang tepat terhasil melalui gabungan antara konsep kurang serasi dengan kriteria sempurna dan gabungan antara konsep kurang serasi dengan kriteria kurang sempurna. Istilah yang tidak tepat pula terhasil melalui gabungan antara konsep serasi dengan kriteria tidak sempurna, gabungan antara konsep tidak serasi dengan kriteria sempurna, dan gabungan antara konsep tidak serasi dengan kriteria agak sempurna.

Dengan gambar rajah, ia diperlihatkan seperti berikut:

serasi + sempurna	= tepat
serasi + kurang sempurna	

kurang serasi + sempurna	= tak tepat
kurang serasi = kurang sempurna	

sempurna = tak sempurna	
tak serasi = sempurna	= tak tepat
tak serasi = kurang sempurna	

Tingkat ketepatan istilah ini cocok dengan kategori persamaan istilah yang dipersetujui oleh Mabbim (Sidang tahun 1984) iaitu:

- (i) istilah yang disetujui sama seluruhnya, termasuk ejaan yang teratur; contoh *communication* = 'komunikasi' (Malaysia, Indonesia, Brunei Darussalam);
- (ii) istilah yang dipersetujui sama tetapi berbeza bentuknya (ejaan, morfologi atau salah satu frasa; *mathematics* = 'matematik' (Malaysia, Brunei Darussalam); 'matematika' (Indonesia);
- (iii) istilah yang dipersetujui berbeza sepenuhnya; contoh: *acid* = 'asid' (Malaysia, Brunei Darussalam), 'asam' (Indonesia).

## 5. Penutup

BM, atau bahasa Indonesia, seperti keadaan bahasa lain mempunyai lambangan atau unsur kata yang terbatas jumlahnya, untuk menamai konsep yang banyak bilangannya. Dengan demikian, pembentukan istilah kurang berhati-hati dalam keterbatasan LiTRi GraMM SELaNKe akan menghasilkan hanya istilah yang bersifat sinonim dan polisem; iaitu dua atau lebih istilah untuk melambangkan satu konsep, dan istilah-istilah yang sama untuk melambangkan konsep-konsep yang berbeza tetapi berkaitan dari segi makna dan asal usul. Atau, istilah itu tidak sempurna dari segi kriteria keperihalan bentuk, misalnya ia tidak sesuai dengan struktur, imbuhan, bunyi, morfofonemik dan tatabahasa.

Istilah yang kurang tetap apatah lagi tidak tetap (tidak serasi dan tidak sempurna) mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya, ia akan menghalang pemindahan ilmu dan teknologi, di samping mendatangkan kekeliruan dalam komunikasi. Istilah yang tidak tepat akan terdedah kepada perubahan demi perubahan (Baxmann, 1985; Felber, 1986). Dengan demikian, perbincangan ini telah memberi perhatian khusus kepada 'permukaan batin' (keserasian makna antara istilah sumber dengan istilah sasaran/BM) dan 'permukaan mematuhi konsep silaturrahim antara kedua-dua permukaan itu, anda berupaya mencipta istilah yang tepat.

## **Bibliografi**

- Asmah Hj. Omar (1987) *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baxmann, E. M. (1985) "Standardization of Terminological Principles - Development and Trends at DIN Deutsches Institut for Normung." Dalam: *Infoterm, Terminology and Related Fields* 1965-1985. Wein: Hermann Bochlaus Nachf.
- Buhler, H. (1980). "General: Theory of Terminology and Its Pratical applications, A University Course for Translation." Dalam: *Fachsprache*, 1980/82. Wein.
- Felber, H. (1984). *Terminology Manual*. Paris: Unesco.
- \_\_\_\_\_. (1985). "Networking in Terminology." Dalam: *Infoterm Series* 8. Munchen: K. G. Saur.
- Hassan Ahmad. (1983). "Strategi dan Pertimbangan Baru dalam Penciptaan Istilah." "Dalam: *Dewan Bahasa*, Ogos. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Horecky, J. (1979). "On the relation between Concept and Name." Dalam: *Fachsprache*, 1979/1-2. Wein.
- Jawatankuasa Tetap Bahasa Malaysia (JKTBM). (1975). *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nedobity, W. (1982). "Key to international Terminology." Dalam: *Infoterm Series* 7. Munchen: K. G. Saur.
- Picht, H., Draskau, J. (1985). *Terminology, An Introduction*. Copenhagen: The Copenhagen School of Economics.

Sager, J. C. (1985). "What is Standardizes Terminology?" Dalam: *Infoterm, Terminology and Related Fields 1965-1985*. Wein: Hermann Bohlaus Nachf.

\_\_\_\_\_. (1990). *A Practical Course in Terminology Processing*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.

Sulaiman Masri. (1993). *Ketepatan Istilah Media dan Komunikasi: Satu Analisis Keserasian Konsep dengan Istilah dan Kesempurnaan Bentuk*. Tesis untuk penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.